

Pemilik premis vape didenda RM3,000 gara-gara taja pertandingan futsal

SARATOK: Mahkamah Majistret di sini kelmarin menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan ke atas seorang pemilik premis vape yang memberi tajaan bagi satu pertandingan futsal yang berkemungkinan memberi galakan mempromosikan vape sejenis bahan merokok di bawah Subsekyen 9(1), Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024.

Tertuduh mengaku bersalah di hadapan Majistret Intan Nurul Farena Zainal sebaik didakwa mengikut Seksyen 9(1), Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang turut dibacakan di bawah Seksyen 9(3)(a)(i) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut fakta kes, satu maklumat telah diterima berkenaan penajaan produk merokok daripada subunit risikan Seksyen Inspektorat dan Perundangan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak berkenaan penajaan aktiviti sukan.

Satu pasukan telah ditubuhkan untuk menjalankan risikan dan mendapati ada berlaku pertandingan futsal yang ditaja perniagaan perseendirian vape yang mana telah melanggar Seksyen 9(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 dan telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 9(3)(a)(i) akta sama di mana kesalahan ini tidak boleh

dikompaun mengikut subperaturan 2(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengkompaunan Kesalahan) 2024.

Semasa prosiding kes, Pegawai Pendakwa Seksyen Inspektorat dan Perundangan, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak Tazudin Murni dan Kana Lakui memaklumkan adalah satu kesalahan melakukan penajaan atau menaja produk merokok yang berkemungkinan menggalakkan orang awam untuk merokok.

Perbuatan tersebut bertentangan dengan objektif Akta yang bertujuan melindungi kesihatan awam dan mencegah pengaruh negatif produk merokok kepada masyarakat yang menjadi tanggungjawab pemilik perniagaan untuk memastikan tiada penajaan atau mengambil bahagian untuk mematuhi kehendak dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024.

Sehubungan itu, Tazudin memohon agar hukuman setimpal dikenakan ke atas tertuduh.

Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa walaupun tertuduh telah mengaku salah, terdapat beberapa faktor memberatkan yang wajar diambil kira oleh mahkamah dalam menentukan hukuman, iaitu promosi atau tajaan yang menyasarkan orang awam dan belia atau remaja.

Penajaan ini juga berpotensi menggalakkan tabiat merokok dan menjejaskan dasar kesihatan awam.

“Tiada seorang pun boleh mempromosi atau menaja, atau mengambil bahagian dalam apa-apa perkiraan yang mempromosikan atau menaja mana-mana produk tembakau, bahan merokok atau pengganti tembakau, yang dimaksudkan atau berkemungkinan menggalakkan mana-mana orang untuk merokok atau dipromosikan sebagai produk merokok.

“Kesalahan ini menunjukkan ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang telah diwartakan dan diketahui umum, sekali gus mencerminkan sikap tidak mengendahakan kepentingan kesihatan awam.

“Kesalahan ini mempunyai kesan negatif yang meluas dan hukuman yang setimpal perlu dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh dan pencegahan umum agar peniaga lain tidak memandang ringan peruntukan undang-undang ini,” ujarnya.

Oleh yang demikian, pihak pendakwaan memohon agar mahkamah mengenakan hukuman yang setimpal dan memberi mesej tegas demi kepentingan kesihatan awam, sebagai pengajaran, bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada peniaga yang lain supaya mereka memberi lebih perhatian untuk mematuhi seperti dalam Akta kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024.

Ia juga katanya, untuk memberi pengajaran kepada masyarakat agar mematuhi undang-undang yang ditetapkan demi kesihatan orang awam.